| 5.32                                                                                         | Konsep gaya bahasa antisipasi                                                                                 |                                                                                                                                                |                                                                                                  | 205                                                                                     |
| 5.33                                                                                         | Konsep gaya bahasa epanortesis                                                                                |                                                                                                                                                |                                                                                                  | 206                                                                                     |
| 5.34                                                                                         | Jenis gaya bahasa perbandingan                                                                                |                                                                                                                                                |                                                                                                  | 207                                                                                     |
| 7.1                                                                                          | Perbezaan antara puisi Arab dan puisi Melayu                                                                  |                                                                                                                                                |                                                                                                  | 282                                                                                     |
| 7.2                                                                                          | Perbezaan antara gaya bahasa puisi Arab dengan gaya bahasa puisi Melayu                                       |                                                                                                                                                |                                                                                                  | 283                                                                                     |
| 7.3                                                                                          | Perbezaan antara <i>Dīwān Abī Tammām</i> dengan <i>Syair Siti Zubaidah</i>                                    |                                                                                                                                                |                                                                                                  | 283                                                                                     |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

## SENARAI SINGKATAN



PustakaTBainun



ptbupsi

|        |                              |
|--------|------------------------------|
| dln.   | dalam                        |
| et al. | dan pengarang-pengarang lain |
| hln.   | halaman                      |
| jil.   | jilid                        |
| pngr.  | penyelenggara                |
| pnys.  | penyusun                     |
| pnys.  | penyunting                   |
| S.A.W. | salaLāhu °alaihi wasallam    |
| S.W.T. | subhānahū wa ta°ālā          |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

|       |              |
|-------|--------------|
| t.th. | tiada tarikh |
| t.tp. | tiada tempat |
| terj. | terjemahan   |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Bahasa merupakan media perhubungan sesama anggota masyarakat dalam kegiatan kebudayaan. °Abd al-Sallām (2009: 77) menyatakan bahawa bahasa merupakan wahana terpenting manusia untuk menyampaikan perkara yang tersirat dalam jiwanya, perkara yang berkaitan dengan keinginannya dan hubungan-hubungan sosial. Bahkan, menurutnya lagi kehidupan manusia itu tidak sempurna tanpa bahasa denganungkapannya, termasuklah tanda, pergerakan yang membawa fungsi kata dan susunan kata (°Abd al-Sallām, 2009: 77). Walau bagaimanapun, bahasa dalam kesusasteraan berbeza daripada bahasa yang digunakan dalam percakapan sehari-hari, pidato politik, suratkhbar atau buku teks (Hamzah [pysn.], 1982: 103). Kenyataan ini menjelaskan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam sesebuah bangsa sebagai alat untuk berkomunikasi dalam menyampaikan sesuatu perkara. Keindahan berbahasa seorang pengkarya itu pula terserlah dalam gaya bahasa yang digunakannya untuk menyampaikan sesuatu idea. Menurut Rahman (1993: vii), gaya bahasa terhasil daripada pilihan pengkarya dalam menyampaikan fikirannya.

Dalam sesebuah karya, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam mengungkapkan sesuatu makna. Ketelitian dalam menyusun perkataan mampu menjadikan sesuatu makna itu sampai kepada sasaran sehingga tersemat di hati mereka. °Abd al-Sallām (2009: 77) menyatakan bahawa terminologi ‘bahasa’ dalam konteks kesusasteraan adalah merujuk kepada pendekatan yang menjadi panduan sasterawan dalam karyanya, sama ada dalam bentuk prosa atau puisi. Oleh itu, kemampuan mengenali dan menguasai aspek-aspek estetik bahasa dapat menghasilkan



karya yang baik (Rahman, 1981: 11). Wan Akmal (2005: 1) berpendapat bahawa bahasa merupakan alat perantara dalam menyampaikan mesej atau amanat yang terkandung dalam karya sastera. Oleh itu, tugas seorang penyair dalam menterjemahkan ideanya berbeza dengan ungkapan hariannya dari sudut pemilihan kata dan susunannya. Hal ini dapat dilihat daripada karya sasteranya yang menggunakan kata-kata yang indah.

Gaya ditakrifkan dalam *Kamus Puisi* sebagai cara mengungkapkan dan menyuarakan perasaan dan pemikiran melalui bahasa yang khas untuk memperlihatkan jiwa dan keperibadian penulis dan perkataan “gaya” ini berpadanan dengan *style* dalam bahasa Inggeris (Kamaruzzaman & Ramli [pysn.], 2005: 26). Perkataan “gaya” ini turut disamaertikan dengan *uslūb* dalam bahasa Arab (al-Shayib, 1952 :29). Secara literal *uslūb* diucapkan untuk barisan pokok kurma, jalan yang memanjang, cara, aliran dan seni pengucapan (Ibn Manzūr, 1968: 473). Umar (2010: 2) pula menyatakan bahawa gaya merupakan cara menyatakan sesuatu yang lain daripada biasa tanpa kelainan makna. Beliau menambah lagi, gaya juga biasanya dikaitkan dengan keindahan yang boleh menyebabkan terhasil sesuatu karya yang indah (Umar, 2010: 7).

Gaya dalam konteks kesusasteraan merupakan penggunaan bahasa untuk menimbulkan kesan-kesan tertentu untuk mencapai nilai keindahan dalam sesuatu karya (Rahman, 1981: 15). Hal ini turut diulas oleh Othman Puteh (1994: 199) dengan menyatakan bahawa gaya dalam hubungannya dengan kesusasteraan adalah perbicaraan yang khusus tentang penggunaan bahasa, merangkumi aspek pemilihan kata, struktur ayat, bahasa kiasan dan nada.

Penggunaan kata-kata dalam karya kesusasteraan berbeza dengan kata-kata yang biasa digunakan secara umum. Contohnya dalam karya kesusasteraan terdapat penggunaan kata-kata seperti “mentari”, “rembulan”, darmawisata”, “tirta”, “samudera” dan “kesuma”. Walau bagaimanapun, kata-kata tersebut tidak atau jarang digunakan dalam bahasa harian, melainkan diganti dengan kata seperti “matahari”, “bulan”, “berkelah”, “air”, “lautan” dan “bunga” (Amat Juhari, 2001: 292).



Menurut Situmorang (1983: 21), bahasa dalam puisi merupakan penggunaan kata-kata dalam pelbagai kombinasi untuk menampilkan imaji, menyampaikan idea-idea dan mencetuskan atau menzahirkan emosi. Beliau turut menyatakan bahawa bahasa puisi ini jelas, kuat, jitu dan menarik. Slametmuljana (1953: 198) pula berpendapat bahawa gaya bahasa adalah anasir yang penting dalam seni sastra sebagai satu jelmaan keperibadian penciptanya. Perkataan yang disusun disebabkan perasaan yang wujud dalam hati penulis, yang akan menimbulkan sesuatu perasaan tertentu dalam hati pembaca.

Dharmawijaya (1998: 52) pula berpendapat bahawa penggunaan kata-kata dalam puisi menyimpang daripada kebiasaan atau kelaziman sistem bahasa yang telah dikenal dan diterima oleh masyarakat bahasa itu sendiri. Antara penyimpangan yang terdapat dalam puisi ialah penyimpangan semantik. Penyimpangan ini berkaitan dengan perkataan atau perbendaharaan kata yang digunakan. Hal ini untuk mendapatkan ketepatan dengan pernyataan perasaan jiwa sehingga menimbulkan makna yang berlainan dengan makna kamus (Dharmawijaya, 1998: 57).

Ratna (2009: 164) menyatakan bahawa kiasan tradisional disebut sebagai gaya bahasa. Gaya bahasa ini merupakan pemilihan kata-kata yang tertentu bersesuaian dengan maksud penulis atau pembicara dalam rangka memperoleh keindahan (Ratna, 2009: 164). Waluyo (1991: 84) beranggapan bahawa penggunaan gaya bahasa ini adalah untuk membandingkan sesuatu hal dengan hal yang lain bagi mencipta kesan dalam bahasa puisi. Beliau turut membicarakan gaya bahasa ini dengan melihat penggunaan metafora, persamaan, personifikasi, hiperbola, euphemisme, sinekdote dan ironi (Waluyo, 1991: 84).

Pradopo (1995: 61-62) pula mengungkap unsur kepuhitan ini dengan istilah 'bahasa kiasan'. Menurut beliau, gaya bahasa ini mengiaskan atau menyamakan sesuatu hal dengan yang lain supaya gambaran menjadi jelas, menarik dan hidup. Beliau membahagikan unsur ini kepada simile, metafora, perumpamaan epos, personifikasi, metonimi, sinekdoki dan allegori.

Hal ini membuktikan bahawa gaya bahasa merupakan salah satu pendekatan yang dititikberatkan oleh penyair dalam menghasilkan karya sasteranya agar dapat meninggalkan kesan kepada khalayak. Hal ini pastinya memerlukan daya fikir yang sangat tinggi bagi seorang penyair dalam menggunakan kebijaksanaannya untuk mengeksploitasi bahasa yang digunakan dalam mengungkap ideanya. Di samping itu juga, penyair turut merangka imajinasinya untuk diterjemahkan ke dalam bentuk ayat yang indah dengan menggunakan gaya bahasa yang puitis untuk mengungkap segala makna yang ingin disampaikan mengikut pengalaman, juga persekitaran di sekelilingnya.

Kewujudan kepelbagaian gaya bahasa dalam puisi Arab dan Melayu ini, bolehlah dikatakan muncul seawal kewujudan puisi itu sendiri. Puisi Arab sebelum kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Arab, memainkan peranan sebagai cermin kehidupan Arab, juga gambaran budaya, adat istiadat mereka. Cerita-cerita pahlawan, cerita suka dan duka, sifat berpuak-puak mereka serta dendam kesumat merupakan antara tema utama setiap puisi mereka (Osman, 2004: 16). Hal ini menunjukkan bahawa, puisi Arab tradisional adalah sumber utama dalam memahami selok-belok bangsa Arab itu sendiri. Semua ini dizahirkan dengan puisi yang penuh indah dengan gaya bahasa yang sungguh tinggi lahir dari ketinggian capaian imajinasi penyair ketika itu. Oleh itu, kajian terhadap puisi Arab ini adalah untuk melihat gaya bahasa yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu makna kepada khalayak.

Puisi Melayu pula yang diwarisi turun-temurun daripada masyarakat Melayu dahulu terlalu banyak sehingga tidak terhitung banyaknya (Abdul Halim, 2006: 1). Warisan bangsa ini terangkum dalamnya nilai peradaban yang tinggi. Terdapat padanya gambaran keadaan hal-ehwal kehidupan ketika itu. Kelembutan budi bangsa Melayu itu dapat dilihat hingga ke hari ini, seperti yang dijalankan dalam adat merisik dan meminang. Menurut Naapie (1992: 2), puisi-puisi mengandungi falsafah kehidupan masyarakat yang melahirkannya dan pandangan dunia masyarakat yang dilingkari oleh pengaruh alam sekelilingnya dengan menggambarkan semua aspek kehidupan, seperti untuk hiburan, gurau senda, pengajaran dan falsafah diri, upacara perubatan dan adat istiadat. Oleh sebab itu, keunikan berbahasa inilah yang menjadikan kesusasteraan Melayu mesti diperkenalkan ke persada antarabangsa,

bukan sekadar menterjemahkannya, namun melihat titik persamaan dan perbezaannya dengan kesusasteraan bangsa lain.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Keindahan puisi sama ada tradisional atau moden menyumbang ke arah banyaknya kajian dijalankan mengenainya. Perkara ini disebabkan nilai keindahan yang terkandung dalam sesebuah karya sastera berperanan dalam pengolahan idea (Zubir, 2005: 135-136). Selain daripada itu, khazanah budaya dan peradaban sesuatu bangsa terhimpun dalam karya sastera. Muhammad Haji Salleh (2006: 39) berpendapat sastera berfungsi sebagai khazanah bangsa dan dianggap sebagai perakam ilmu sesuatu bangsa. Oleh hal yang demikian, dengan meneliti hasil-hasil kesusasteraan ini, khazanah-khazanah yang sangat tinggi nilainya dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan akan datang serta menjadi tempat rujukan untuk melihat asal usul sesuatu bangsa.

Berhubung kepentingan puisi, Khafajiyy (1990: 76) berpendapat seperti berikut:

"...لأنه (الشعر) سجل تاريخ العرب وأيامهم ومفاخرهم وآثرهم من جانب آخر، ولأنه صار لسان الحياة الجديدة، بما فيه من أحزاب متصارعة، وعصبية متضاربة، ورغبات قوية في إحياء ماضي العرب الأدبي، وتحديد تاريخهم القومي والعقلي... ولأنه صار أخيراً وسيلة إلى المال والحياة والعيش الطيب الكريم".

Petikan di atas bermaksud, "... kerana ia (puisi) dari sudut lain merekodkan sejarah bangsa Arab dan hari-hari mereka (peristiwa peperangan), kebanggaan mereka dan kesan peninggalan mereka, dan puisi turut menjadi wadah kehidupan yang baru, yang terkandung dalamnya urusan-urusan yang berkaitan puak-puak yang bertelagah, sifat perkauman yang bertentangan, keinginan yang kuat untuk menghidupkan kembali kesusasteraan lampau bangsa Arab serta pembaharuan terhadap sejarah kesukuan dan keintelekan mereka ... kerana puisi juga akhirnya menjadi wasilah untuk mendapatkan harta dan kehidupan yang baik serta mulia".

Kepentingan puisi yang diungkapkan Khafajiyy tersebut menyingkap bahawa kehidupan bangsa Arab dapat dilihat melalui karya-karya para penyair. Selain itu, puisi turut berperanan sebagai “lidah” puak ketika itu, umpamanya yang berkaitan dengan sifat *‘asabiyah* (perkauman) dan mempertahankan sifat *fakhr* (kebanggaan) puak. Sesungguhnya sebahagian besar daripada hasil peradaban ini terungkap dengan gaya bahasa yang sungguh indah.

Sesuatu yang sukar untuk disangkal ialah kewujudan hubungan yang kuat antara bahasa dengan kesusasteraan. Pesu (1990: 9) berpendapat bahawa kesusasteraan wujud melalui bahasa sama ada secara lisan atau bertulis. Rahman (1981: 11) turut berpendirian bahawa kesusasteraan merupakan seni pemakaian bahasa untuk mencapai nilai keindahan. Oleh itu, seseorang itu perlu untuk menguasai bahasa terlebih dahulu sebelum menjinakkan diri dalam dunia kesusasteraan untuk menghasilkan karya yang bermutu. Hal ini ditegaskan oleh Rahman (1993: xii) dengan menyatakan bahawa seorang pengguna bahasa itu mesti tunduk pada peraturan tatabahasa, sebelum dia memperkembang kreativiti untuk bergaya kerana gaya bahasa tidak mungkin berdiri sendiri, walau sejauh mana sekalipun seseorang itu ingin bergaya.

Selain itu, gaya bahasa yang digunakan dalam karya kreatif sastera memerlukan pengkarya untuk memanipulasi kata-kata agar kelihatan berbeza daripada bahasa nonsastera. Keris Mas (1988: 4) menyebut bahawa manipulasi bahasa ialah kebolehan seseorang dalam menimbulkan kelainan gaya bahasa. Keadaan ini mampu meninggalkan kesan kepada khalayak yang menatap hasil karyanya.

Keterangan tersebut membuktikan bahawa gaya bahasa sangat penting dalam penghasilan puisi. Selain daripada membezakannya dengan ungkapan bukan sastera, gaya bahasa juga memainkan peranan penting dalam penghasilan puisi yang indah lagi berseni. Pemilihan kata dan susunan ayat memainkan peranan dalam menarik minat pembaca atau pendengar untuk terus menatap dan menghayati sesuatu karya hingga ke noktah terakhir.







Pedagang Arab dari Teluk Arab yang melalui Lautan Hindi menuju China, singgah ke beberapa tempat seperti Nusantara. Percampuran pedagang Arab Islam tersebut dengan masyarakat setempat membawa kepada perubahan budaya dan agama masyarakat Melayu tersebut kepada penyebaran agama Islam secara tidak langsung (Raḥmah & °Adlī, 2008: 5). Kedatangan Islam di rantau Nusantara membawa kepada pengetahuan masyarakat tersebut kepada karya kesusasteraan Arab iaitu “*shiʿr*”. Oleh itu, syair Melayu dipengaruhi oleh kesusasteraan Arab Islam yang diungkap pengkarya Melayu mengikut susunan bahasa Melayu dan genre puisi Melayu tradisional seperti pantun, seloka dan gurindam (Raḥmah & °Adlī, 2008: 48-50).

Selain daripada itu, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa syair Melayu mendapat pengaruh daripada syair Arab. Umpamanya, al-Attas (1968: 15) yang berpendapat bahawa syair Melayu ini mendapat pengaruh daripada karya puisi (iaitu syair) Arab. Ali Badron (2005: 359) turut berpendapat bahawa syair asalnya dibawa oleh pedagang Arab dan pengembang agama Islam semasa kedatangan mereka ke Alam Melayu. Menurutnya lagi, orang Arab yang mengajar masyarakat Melayu bersyair.

Maniyamin (2009: 13) mendapati bahawa kebanyakan kajian gaya bahasa terhadap karya kesusasteraan merujuk kepada karya prosa, khususnya cerpen dan novel, manakala kajian gaya bahasa ke atas puisi sangat sedikit. Gaya bahasa dalam puisi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan karya yang indah. Menurut Keris Mas (1988: 15), gaya bahasa yang mengandungi nilai estetik ini tidak hanya menyampaikan idea dan maklumat semata-mata, tetapi penyampaiannya itu menimbulkan rasa keharuan serta merangsang daya fikir dan akal. Tarigan (1985: 5) menyatakan bahawa gaya bahasa adalah penggunaan kata-kata dalam bercakap dan menulis untuk meyakinkan atau mempengaruhi penyemak dan pembaca. Oleh sebab itu, penggunaan gaya bahasa ini merupakan unsur yang menghidupkan sesuatu karya kreatif (Nik Hassan Basri, 2005: 37). Shamsuddin (2012: 26) turut menyatakan bahawa karya yang tiada gaya bahasa boleh dianggap tidak menarik dan



membosankan. Hal ini menjelaskan kepentingan gaya bahasa yang digunakan dalam sesuatu karya dapat mempengaruhi khalayak.

Dalam kesusasteraan Arab, gaya bahasa *‘ilm al-bayān* memainkan peranan dalam menyatakan sesuatu makna yang mempunyai nilai keindahan. *‘Ilm al-bayān* ini merupakan merupakan satu ilmu yang berkaitan dengan kepelbagaian bentuk kata yang berkesan dalam menyampaikan satu makna (‘Abbās, 2003:13). al-Maraghiyy (2007: 207) berpendapat bahawa *‘ilm al-bayān* ialah satu ilmu yang menjelaskan satu makna dalam pelbagai bentuk, termasuklah ungkapan yang berlainan dalam menerangkan semantik yang sesuai dengan keadaan. Al-Hāshimiyy (1960: 244) pula menyatakan bahawa *‘ilm al-bayān* ini ialah prinsip dan kaedah untuk mengetahui penyampaian satu makna dengan pelbagai cara yang dalam menerangkan semantik bagi makna tersebut.

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa *‘ilm al-bayān* merupakan satu ilmu yang berfokus kepada kaedah penyampaian sesuatu makna dalam pelbagai bentuk.

Ungkapan tersebut melibatkan penggunaan bahasa dalam menjelaskan sesuatu makna dengan bercirikan nilai keindahan.

Dalam kesusasteraan Melayu, gaya bahasa perbandingan merupakan penggunaan bahasa secara kiasan untuk membandingkan dua hal, benda atau perkara yang mempunyai persamaan (Wan Akmal, 2005: 31). Menurut Nik Hassan Basri (2005: 40), gaya bahasa perbandingan merupakan bentuk bahasa perbandingan yang indah untuk menambahkan kesan dan makna tertentu. Penggunaan bahasa ini adalah untuk membandingkan sesuatu perkara dengan perkara lain.

Perkara ini membuktikan bahawa gaya bahasa perbandingan ini mengandungi unsur puitika dalam membandingkan dua perkara yang mempunyai persamaan. Gaya bahasa tersebut digunakan untuk menambahkan kesan dan makna tertentu dalam ungkapan.

Menurut Şultān, Jāmīl (1970), puisi Abū Tammām penuh dengan pelbagai gambaran berkaitan zaman Abbasiyah. Di samping itu, beliau turut meneliti nilai

puitika yang terkandung dalam antologi puisi penyair ini, antaranya penggunaan gaya bahasa seperti *al-jinās*, *al-muqābalah*, *al-ṭibāq*, *al-majāz*, *al-kināyah*, *al-tajsīm*, *al-tasykhīṣ* dan sebagainya. Beliau berpendapat bahawa gaya bahasa yang pelbagai ini kadangkala hadir secara spontan, juga ada ketikanya membawa ciri *al-takalluf* (Sultān, Jāmīl, 1970:35). Muruwah (1989: 96) pula mendapati bahawa unsur imaginasi dalam puisi Abū Tammām memainkan peranan yang penting sehingga melahirkan gambaran-gambaran baharu, umpamanya gambaran kepada situasi pembukaan kota ‘Ammuriyah dengan langit yang membukakan pintu-pintunya kerana kejayaan membuka kota tersebut. Selain daripada itu, beliau turut menyatakan bahawa Abū Tammām menggunakan gaya bahasa untuk menyampaikan sesuatu makna, seperti menggunakan gaya bahasa *al-jinās*, *al-ṭibāq*, *al-kināyah*, *al-majāz* dan *al-istī‘ārah* (Muruwah, 1989:97).

Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa *Dīwān Abī Tammām* ini merupakan himpunan syair-syairnya yang pernah diungkapkan oleh Abū Tammām yang penuh dengan pelbagai gambaran zaman Abbasiyah. Kepelbagaian gaya bahasa yang terkandung dalam puisi-puisinya ini seperti *al-majāz*, *al-kināyah* dan *al-tashkhīṣ* mempunyai nilai keindahan dalam karyanya.

*Syair Siti Zubaidah* pula menurut Zalila dan Jamilah (pngr.) (1993) merupakan contoh sastera hikayat. Antara persoalan yang terdapat dalam *Syair Siti Zubaidah* adalah latar belakang keislaman, ketiadaan unsur khayal, unsur kesetiaan, keperwiraan dan pembelaan kedaulatan dan maruah (Zalila & Jamilah (pngr.), 1993:193-195). Norazimah (2003) turut mengkaji tentang *Syair Siti Zubaidah* dalam disertasinya *Tema tentang Wanita dalam Syair-syair Romantis*. Beliau mendapati bahawa *Syair Siti Zubaidah* merupakan salah satu daripada karya yang dipengaruhi Islam (Norazimah, 2003: 70). Tema jihad menonjol dalam *Syair Siti Zubaidah* (Norazimah, 2003: 64). Gambaran kisah dalam *Syair Siti Zubaidah* pula lebih realistik dan boleh diterima oleh akal kerana tiada unsur magis atau fantasi (Norazimah, 2003: 69).

Teks *Syair Siti Zubaidah* mengandungi kisah berkaitan keperwiraan wanita yang menggunakan latar Islam. Tema jihad dalam teks tersebut turut digarap dengan

gaya bahasa yang indah. Selain itu kisah wirawati Siti Zubaidah dalam teks tersebut adalah realistik tanpa penggunaan unsur khayal yang berlebih-lebihan.

Daripada sudut lain, kajian yang bersifat bandingan antara kesusasteraan Arab dengan Melayu mendapat perhatian para pengkaji, antaranya kajian bandingan Rahmah (2003) dalam *Islam & Literature: An Analysis of Discussions in the Middle East and Malaysia*. Beliau membincangkan konsep kesusasteraan Islam antara Timur Tengah dengan Malaysia. Adli (2006) dalam *Maḥmūd al-Adab al-Islāmiyy fī al-‘Aṣr al-Ḥadīth bayn al-Udabā’ al-‘Arab wa al-Malāyūwiyyīn* pula memfokuskan kajiannya kepada konsep kesusasteraan Islam antara sasterawan Arab dan sasterawan Melayu zaman Moden.

Pabiyah (2007) dalam kajiannya *Riwāyāt Najīb al-Kilāniyy wa Shaḥnūn Aḥmad al-Islāmiyyah bayn al-Nazariyah wa al-Taṭbīq* mengupas persoalan berkaitan kesusasteraan Islam antara Najīb al-Kilāniyy dengan Shahnnon Ahmad. Beliau menganalisis persamaan dan perbezaan antara keduanya dalam karya novel. Janudin (2000) dalam tesisnya *Puisi Alam sekitar di Andalus dan Sedikit Bandingan dengan Puisi Melayu Moden: Kajian dari Sudut Tema dan Gaya Bahasa* membincangkan aspek flora dan fauna yang terlakar dalam puisi Andalus. Beliau turut mengupas peranan flora dan fauna dalam mempengaruhi idea dan ilham penyair untuk membentuk tema dan gaya bahasa puisi. Zamri (2002) dalam *Uslūb al-Tashbīh antara Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Bandingan* mengupas perbezaan *uslūb* ini dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan melihat cara penggunaanya dan kesannya dalam penulisan dan pertuturan.

Mohamad Yazid (2010) turut membuat kajian bandingan tentang gaya bahasa dalam *Perbandingan Bahasa Kiasan dalam Cerpen Arab dan Melayu*. Beliau menumpukan kajiannya kepada aspek gaya bahasa kiasan dalam cerpen *Yā Ayyuhā al-Karaz al-Mansiyy* karya Zakaria Tamer dan *Sami Napuh* karya Azizi Hj. Abdullah. Antara gaya bahasa yang dibincangkan oleh pengkaji ialah *tashbīh*, *majāz*, *kināyah*, simile, metafora, metonimi, sinekdoki, personifikasi dan hiperbola. Beliau mendapati bahawa antara perbezaan gaya bahasa ialah istilah, situasi dan bentuk gaya bahasa tersebut diungkapkan dalam kedua-dua bahasa (Mohamad Yazid, 2010: iii). Selain